

TOK KU TUAN BESAR: WARISAN KEILMUAN DAN TADBIR URUS ISLAM DI TERENGGANU ABAD KE-19M

TOK KU TUAN BESAR: INTELLECTUAL LEGACY AND ISLAMIC GOVERNANCE IN NINETEENTH-CENTURY TERENGGANU

Syed Muhammad Hulaimi Syed Hassan Adlli¹

Ezad Azraai Jamsari²

Izziah Suryani Mat Resad^{3*}

Napisah Karimah Ismail⁴

Farid Mat Zain⁵

Adibah Sulaiman⁶

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: a176349@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ezad@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: izziah@ukm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: napisah@ukm.edu.my)

⁵ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: farid@ukm.edu.my)

⁶ Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: adibah@usim.edu.my)

*Corresponding author: izziah@ukm.edu.my

Article history

Received date : 7-6-2026

Revised date : 8-6-2026

Accepted date : 15-7-2026

Published date : 23-7-2026

To cite this document:

Syed Hassan Adlli, S. M. H., Jamsari, E. A., Mat Resad, I. S., Ismail, N. K., Mat Zain, F. & Sulaiman, A. (2026). Tok Ku Tuan Besar: Warisan keilmuan dan tadbir urus Islam di Terengganu abad ke-19M. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 702 – 718.

Abstrak: Makalah ini memerihalkan aspek riwayat hidup dan ketokohan ulama besar dari bumi Terengganu Darul Iman, iaitu Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus atau dikenali ketika itu dengan panggilan Tok Ku Tuan Besar. Beliau telah memberi sumbangan besar dalam perkembangan keilmuan dan kecendekiaan Islam di Terengganu khususnya dan seluruh Malaysia umumnya. Penulisan ini adalah bertujuan untuk meneliti sejarah biografi Tok Ku Tuan Besar, di samping mengamati sumbangan beliau kepada bidang keilmuan Islam dan juga aspek pentadbiran Islam di Terengganu. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Bagi kaedah pengumpulan data, maklumat kajian ini dikumpul menggunakan analisis dokumen dengan penelitian terhadap sumber-sumber yang berwewenang dan relevan. Manakala bagi kaedah penganalisan data, kajian ini selanjutnya menggunakan pendekatan kritikan luaran dan dalaman bersesuaian dengan metode sejarah. Dapatan kajian ini mendapati Tok Ku Tuan Besar ialah seorang ulama masyhur dari Terengganu yang amat berjasa dalam merencanakan perkembangan dan pembangunan Islam bagi masyarakat setempat. Beliau juga telah

melahirkan beberapa karya penulisan yang amat bermakna dan bermanfaat buat seluruh umat Islam di Asia Tenggara, malah penglibatan Tok Ku Tuan Besar dalam bidang pentadbiran dan juga perundangan di Terengganu adalah terserlah dan memberikan impak yang signifikan dalam melancarkan perihal tadbir urus pemerintahan pada ketika itu.

Kata Kunci: *Tok Ku Tuan Besar; Terengganu; Ulama Melayu; Tradisi Keilmuan Islam; Tadbir Urus Islam; Sejarah Biografi*

Abstract: *This article examines the life history and scholarly prominence of one of Terengganu's most distinguished Muslim scholars, Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus, who was widely known as Tok Ku Tuan Besar. He made significant contributions to the advancement of Islamic scholarship and intellectual development in Terengganu in particular, and Malaysia more broadly. This study aims to examine the historical biography of Tok Ku Tuan Besar while analysing his contributions to Islamic scholarship as well as to Islamic administration in Terengganu. The research employs a qualitative approach through a historical research design and content analysis. Data were collected through document analysis by examining authoritative and relevant primary and secondary sources. The collected data were subsequently analysed using the methods of external and internal criticism in accordance with the historical method. The findings reveal that Tok Ku Tuan Besar was a distinguished Muslim scholar from Terengganu who played a pivotal role in advancing the development of Islam within the local community. He also produced a number of important scholarly works that have continued to benefit Muslim communities throughout Southeast Asia. Furthermore, his involvement in the fields of Islamic administration and legal governance in Terengganu demonstrated his substantial influence in strengthening the governance and administration of the state during his lifetime.*

Keywords: *Tok Ku Tuan Besar; Terengganu; Malay Muslim Scholar; Islamic Intellectual Tradition; Islamic Governance; Historical Biography*

Pengenalan

Perkembangan Islam di Terengganu banyak dipengaruhi oleh peranan golongan ulama yang berusaha mengembangkan pendidikan, dakwah dan penulisan Islam kepada masyarakat setempat. Menerusi institusi pengajian tradisional, penghasilan karya-karya keagamaan serta hubungan yang erat dengan institusi kesultanan, golongan ulama telah menyumbang kepada pembentukan tradisi keilmuan Islam yang kukuh di negeri tersebut. Dalam konteks ini, Terengganu telah melahirkan ramai tokoh ulama yang memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu dan pentadbiran Islam, antaranya ialah seperti Tok Ku Tuan Besar (Alwi et al., 2021). Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus yang lebih dikenali sebagai Tok Ku Tuan Besar merupakan antara ulama yang terkenal di Terengganu kerana sumbangannya dalam bidang pendidikan, penulisan, pentadbiran dan perundangan Islam. Ketokohan beliau sebagai seorang ulama yang berwibawa serta dihormati oleh masyarakat Terengganu turut diberikan perhatian dalam beberapa penulisan yang menonjolkan keikhlasan, kewibawaan dan sumbangan beliau terhadap perkembangan Islam di negeri tersebut (Wahba & Hamzah, 2007). Selain dikenali sebagai seorang pendidik dan pendakwah, beliau turut menghasilkan sejumlah karya yang merangkumi pelbagai bidang ilmu Islam seperti akidah, *fiqh*, sirah dan tasawuf. Pendokumentasian terhadap karya-karya beliau menunjukkan bahawa Tok Ku Tuan Besar merupakan antara ulama Terengganu abad ke-19M yang aktif dalam tradisi penulisan kitab Jawi dan penyebaran ilmu Islam kepada masyarakat (Omar et al., 2014).

Ketokohan Tok Ku Tuan Besar turut memperlihatkan hubungan yang erat antara institusi ulama dengan pentadbiran negeri Terengganu pada abad ke-19M. Penglibatan beliau sebagai *Shaykh al-'Ulama'* dan pembesar negeri mencerminkan bahawa peranan ulama pada ketika itu bukan sahaja tertumpu kepada kegiatan pendidikan dan dakwah, malah turut melibatkan aspek pentadbiran, perundangan dan penasihatian kepada pemerintah (Abdullah, 2000; Alwi et al., 2021). Penulisan ini membincangkan biografi Tok Ku Tuan Besar yang meliputi latar kehidupan, pendidikan dan keluarga beliau, di samping meneliti karya-karya yang dihasilkan sepanjang hayatnya. Daripada kira-kira 16 buah karya yang dikaitkan dengan Tok Ku Tuan Besar, makalah ini memfokuskan perbincangan terhadap 11 buah karya yang berjaya dikenal pasti berdasarkan sumber yang diperoleh. Selain itu, makalah ini turut menghuraikan sumbangan Tok Ku Tuan Besar dalam bidang pentadbiran dan perundangan Islam di Terengganu bagi menjelaskan kedudukan beliau sebagai seorang daripada ulama yang berpengaruh dalam sejarah perkembangan Islam di negeri tersebut.

Biografi Ringkas Latar Kehidupan Tok Ku Tuan Besar

Nasab dan Kelahiran

Embong (1983) dan Abdullah (2000) menjelaskan bahawa Tok Ku Tuan Besar, yang bernama penuh Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin bin Husayn bin Mustafa al-Idrus, merupakan antara ulama besar yang lahir di Terengganu. Beliau lebih dikenali dengan gelaran Tok Ku Tuan Besar dan merupakan seorang daripada zuriat Rasulullah SAW menerusi jurai keturunan cucunda Baginda, al-Husayn ibn 'Ali RA. Berdasarkan salasilah nasab keturunannya, beliau berada pada generasi ke-34 daripada Rasulullah SAW melalui susur galur al-Husayn RA. Pertalian nasab tersebut menyebabkan beliau menggunakan gelaran 'Sayyid', iaitu gelaran yang secara tradisinya digunakan bagi keturunan Rasulullah SAW melalui al-Hasan RA dan al-Husayn RA. Manakala gelaran al-Idrus pula menunjukkan bahawa beliau merupakan keturunan 'Abd Allah al-Idrus ibn Abi Bakr al-Sakran, seorang tokoh sufi daripada Bani Alawi yang meninggal dunia pada tahun 865H. Hubungan nasab tersebut secara tidak langsung mengaitkan Tok Ku Tuan Besar dengan marga besar 'Alawiyyin yang terkenal dalam tradisi keilmuan dan dakwah Islam di Hadramaut serta Alam Melayu.

Sayyid Zainal Abidin bin Husayn al-Idrus, iaitu bapa kepada Tok Ku Tuan Besar, dilahirkan di Tarim, Hadramaut, Yaman dan berhijrah ke Terengganu pada dekad pertama abad ke-13H bersama-sama saudara kandungnya, Muhammad. Penghijrahan tersebut dipercayai berlaku semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin I (1726-1733), iaitu Sultan Terengganu yang pertama. Ibunya pula ialah seorang wanita tempatan bernama Syarifah Aisyah binti Sayyid Muhammad yang lebih dikenali dengan gelaran Tuan Hitam dalam kalangan masyarakat setempat. Tok Ku Tuan Besar dilahirkan di sebuah perkampungan Melayu di Mukim Cabang Tiga, kira-kira tiga kilometer dari Kuala Terengganu, pada malam Khamis, 28 Rejab 1209H bersamaan 18 Februari 1795 (Omar et al., 2012).

Menurut al-Idrus (2014), Tok Ku Tuan Besar merupakan tokoh ulama daripada keturunan Sayyid al-Idrus yang terawal muncul sebagai guru agama yang masyhur di Terengganu. Ketika beliau masih berada dalam kandungan ibunya, bapanya telah berangkat ke Jawa dan kemudiannya meninggal dunia di Kendal, Semarang. Penulis bagaimanapun mendapati terdapat perbezaan maklumat berkaitan tarikh kelahiran Tok Ku Tuan Besar dalam sumber-sumber yang dirujuk. Oleh itu, makalah ini menggunakan tarikh 28 Rejab 1209H bersamaan 18 Februari 1795 sebagaimana yang dinyatakan oleh Omar et al. (2012), memandangkan tarikh tersebut disertakan dengan padanan tarikh Hijrah dan Masihi yang lebih jelas. Pertalian nasab

dengan Rasulullah SAW telah meletakkan Tok Ku Tuan Besar dalam kelompok *Ahl al-Bayt* yang dihormati dalam tradisi masyarakat Islam. Selain mencerminkan asal usul keturunannya, penggunaan gelaran 'Sayyid' turut menggambarkan kesinambungan tradisi keilmuan keluarga al-Idrus yang terkenal dengan sumbangan mereka dalam bidang dakwah, pendidikan dan penyebaran Islam di Hadramaut serta Alam Melayu (Abdullah, 2000). Bagi melengkapkan salasilah Tok Ku Tuan Besar, penulis telah mengambil salasilah daripada Syed Fadhil bin Syed Omar, iaitu:

Muhammad SAW
|
Fatimah al-Zahrah
|
Al-Iman Husayn
|
Iman Ali Zayn al-Abidin
|
Imam Ali Zayn al-Abidin
|
Al-Iman Muhammad al-Bakir
|
Al-Imam Ja'far al-Sadiq
|
Ali al-Uraydi
|
Muhammad al-Naqib
|
Isa al-Rumi
|
Ahmad al-Muhajir Ila Allah
|
Abd Allah (Ubaidillah)
|
Al-Shaykh Alawi (Alawiyyah) al-Mabtakir
|
Muhammad Sahib al-Sawma'ah
|
Alwi
|
Ali Khali Qassam
|
Muhammad Sahib Mirbat
|
Ali Wahid al-Faqih
|
Muhammad (al-Faqih al-Muqaddam)
|
Alwi al-Ghayur

Ali Muhammad Maula Dawilah
|
Abd al-Rahman al-Saqaf
|
Abu Bakar al-Sakran
|
Abd Allah al-Idrus (al-Akbar)
|
Shaykh al-Akbar
|
Abd Allah
|
Shaykh
|
Abd Allah al-Awsat
|
Ali Zayn al-Abidin
|
Muhammad Mustafa
|
Shaykh
|
Mustafa
|
Husayn
|
Zainal Abidin
|
Sayyid Muhammad al-Idrus

Sumber: al-Idrus (2014)

Keluarga dan Pendidikan

Tok Ku Tuan Besar telah mendirikan rumah tangga dengan empat orang isteri tempatan, iaitu Hajjah Aminah, Che Aisyah (Cik Pulau Rusa), Cik Safiah (Pulau Ketam) dan Tuan Mandak binti Sayyid Edrus (Tok Ku Tuan Darat). Hasil daripada perkahwinan tersebut, beliau dikurniakan seramai 21 orang cahaya mata. Antara anak dan zuriat Tok Ku Tuan Besar yang terkenal dalam catatan sejarah Terengganu ialah Sayyid Zain (Engku Sayyid Seri Perdana), Sayyid Abdul Rahman (Tok Ku Paloh), Sayyid Ahmad (Tok Ku Tuan Ngah), Sayyid Mustafa (Tok Ku Tuan Dalam), Sayyid Abdul Kadir (Tok Ku Wakaf atau Tok Ku Tuan Kecil), Sayyid Abdullah (Engku Besar Paduka Raja), Sayyid Abdul Kadir (Engku Pengeran Anum), Sayyid Aqil (Tuan Pengeran atau Engku Bijaya Sura), Sayyid Saggaf (Engku Kelana Diraja), Sayyid Abu Bakar (Tok Ku Tuan Embong), Engku Alwi (Engku Pengeran Arif Diraja), Engku Ali bin Sayyid Muhammad (Engku Endut), Sayyid Umar bin Sayyid Abdul Kadir (Tuan Dagang), Engku Mohsin bin Sayyid Abdul Kadir (Engku Pengeran Anum), Sayyid Umar (Engku Bijaya Sura), Sayyid Abu Bakar (Engku Umar) bin Sayyid Abdullah (Engku Muda Haji) dan Engku Ahmad Afendi bin Sayyid Ahmad (Engku Dalam Aba) (al-Idrus, 2014). Keturunan beliau kemudiannya terus memainkan peranan penting dalam perkembangan pentadbiran dan

keilmuan Islam di Terengganu, khususnya menerusi tokoh-tokoh seperti Tok Ku Paloh dan beberapa orang pembesar negeri daripada zuriat beliau.

Corak pendidikan Tok Ku Tuan Besar berteraskan tradisi keilmuan Banu ‘Alawi yang menjadikan pendidikan agama sebagai asas pembentukan sahsiah dan kefahaman terhadap ajaran Islam. Beliau memperoleh pendidikan awal di Terengganu sebelum melanjutkan pengajian ke luar negara. Antara guru terawal beliau ialah dua orang ulama terkenal Terengganu yang berasal dari Patani, iaitu Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman Bukit Bayas, mufti pertama Terengganu dan Haji Wan Abdullah bin Muhammad Amin, mufti kedua Terengganu. Tok Ku Tuan Besar memulakan pengajiannya di Pondok Syeikh Abdul Qadir di Kampung Bukit Bayas, Kuala Terengganu sebelum berhijrah ke Masjid al-Haram, Makkah bagi meneruskan pengajian. Beliau dilaporkan menuntut ilmu di Makkah selama 17 tahun dan memulakan pengajian tersebut ketika berusia sekitar 20 tahun.

Tok Ku Tuan Besar juga pernah melanjutkan pengajiannya di Hadramaut. Antara guru beliau ialah Sayyid ‘Abd Allah bin ‘Umar bin Yahya, seorang ulama terkemuka dari Tarim, Hadramaut. Selain itu, beliau turut berguru dengan Syeikh ‘Abd al-Baqi bin Muhammad Salih Shiab di Madinah dan Syeikh Dawud bin ‘Abd Allah al-Fatani di Makkah. Sepanjang tempoh pengajian tersebut, beliau mendalami pelbagai disiplin ilmu Islam, termasuk *fiqh*, usuluddin, tasawuf, tafsir, hadis dan bahasa Arab, selepas memperoleh pendidikan asas daripada ahli keluarganya di Terengganu. Ringkasnya, Tok Ku Tuan Besar menimba ilmu di beberapa pusat pengajian Islam yang utama, iaitu Terengganu, Makkah, Madinah dan Hadramaut (Malek et al., 2018). Latar pendidikan tersebut memperlihatkan bahawa pembentukan intelektual Tok Ku Tuan Besar dipengaruhi oleh gabungan tradisi keilmuan tempatan dengan jaringan ulama di Haramayn dan Hadramaut. Pengalaman menuntut ilmu di beberapa pusat pengajian Islam yang berbeza ini bukan sahaja memperkukuh penguasaan beliau dalam pelbagai disiplin ilmu, malah menjadi asas kepada peranan beliau sebagai pendidik, penulis dan ulama yang berpengaruh di Terengganu.

Jaringan Guru dan Salasilah Keilmuan

Tambahan pula, menurut Abdullah (2000), menerusi sebuah daripada manuskrip karangan Tok Ku Tuan Besar sendiri, beliau menyatakan bahawa antara guru utama yang pernah membimbingnya ialah Sayyid ‘Abd Allah ibn ‘Umar ibn Yahya. Tok Ku Tuan Besar menyifatkan tokoh tersebut sebagai ‘persaudaraanku dan guruku’, sekali gus menggambarkan hubungan yang rapat antara murid dengan gurunya dalam tradisi keilmuan Islam. Beliau turut merekodkan salasilah penerimaan ilmu gurunya yang bersambung daripada Sayyid Tahir bin Husayn, Sayyidina ‘Umar ibn Saqaf, Sayyidina Hasan ibn ‘Abd Allah, *Qutb al-Irshad* Sayyidina ‘Abd Allah al-Haddad, Sayyidina ‘Umar bin ‘Abd al-Rahman, Sayyidina Husayn, Sayyidina Abi Bakar, Sayyidina ‘Umar ibn Muhammad Ba Shayban, Sayyidina ‘Abd al-Rahman ibn ‘Ali, *al-Qutb al-Idrus* Sayyidina ‘Abd Allah, Sayyidina Abu Bakr al-Sakran, Sayyidina ‘Abd al-Rahman al-Saqaf, Sayyidina Muhammad Mawla al-Dawilah, Sayyidina Syeikh ‘Ali, Sayyidina ‘Alawi, Sayyidina al-Faqih al-Muqaddam Muhammad ibn ‘Ali, Sayyidina ‘Ali, Sayyidina Muhammad Sahib Mirbat, Sayyidina ‘Ali Khala’ Qasam, Sayyidina ‘Alawi, Sayyidina Muhammad, Sayyidina ‘Alawi, Sayyidina ‘Ubayd Allah, Sayyidina Muhammad al-Muhajir, Sayyidina Muhammad al-Naqib, Sayyidina ‘Ali al-Rida, Imam Ja‘far al-Sadiq, Imam Muhammad al-Baqir, Imam ‘Ali Zayn al-‘Abidin, Sayyidina al-Husayn RA, Sayyidina ‘Ali bin Abi Talib RA dan akhirnya bersambung kepada Rasulullah SAW.

Salasilah penerimaan ilmu tersebut memperlihatkan bahawa Tok Ku Tuan Besar meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap kesinambungan sanad keilmuan dalam proses menuntut dan menyampaikan ilmu. Tradisi ini merupakan antara ciri utama pendidikan Islam klasik yang menekankan kesinambungan autoriti ilmu daripada guru kepada murid sehingga bersambung kepada Rasulullah SAW. Dalam masa yang sama, salasilah tersebut turut memperlihatkan hubungan yang erat antara jaringan ulama Hadramaut, Haramayn dan Alam Melayu yang menjadi asas kepada perkembangan tradisi keilmuan Islam di rantau ini (Abdullah, 2000).

Berdasarkan salasilah penerimaan ilmu tersebut juga, dapat diperhatikan bahawa Tok Ku Tuan Besar menerima didikan daripada jaringan ulama yang sebahagian besarnya terdiri daripada keturunan Rasulullah SAW dalam tradisi Banu 'Alawi. Di samping itu, beliau turut berguru dengan beberapa orang ulama Nusantara, khususnya dari Patani dan Terengganu. Gabungan kedua-dua tradisi keilmuan ini telah membentuk keluasan pemikiran serta penguasaan beliau terhadap pelbagai disiplin ilmu Islam. Oleh sebab itu, Tok Ku Tuan Besar muncul sebagai antara ulama yang berpengaruh di Terengganu pada zamannya.

Selain bergiat aktif mengajar di surau yang dibinanya di Kampung Cabang Tiga, Terengganu, Tok Ku Tuan Besar turut dilantik sebagai *Shaykh al-'Ulama'* dan dikurniakan gelaran Paduka Raja Indera semasa pemerintahan Sultan Omar (1839-1876), sebagai pengiktirafan terhadap kewibawaan beliau dalam bidang keilmuan dan pentadbiran Islam (Abdullah, 2000). Setelah tamat pengajian di beberapa pusat keilmuan Islam, Tok Ku Tuan Besar kembali ke Terengganu bagi menyebarkan ilmu yang diperoleh kepada masyarakat setempat. Beliau mengajar di surau yang dibinanya di Kampung Cabang Tiga, yang kini dikenali sebagai Masjid Tok Ku Tuan Besar. Murid-muridnya bukan sahaja berasal dari Terengganu, malah turut datang dari Patani, Pahang dan Kelantan. Antara disiplin ilmu yang diajarkan oleh beliau ialah nahu, hadis, tafsir, tauhid dan tasawuf (al-Idrus, 2014). Peranan beliau sebagai pendidik telah menyumbang kepada perkembangan tradisi keilmuan Islam di Terengganu serta melahirkan generasi ulama yang meneruskan kesinambungan dakwah dan pendidikan Islam di negeri tersebut.

Menurut al-Idrus (2014), Tok Ku Tuan Besar telah meninggal dunia pada 17 Muharam 1295H bersamaan 21 Januari 1878 ketika berusia 84 tahun selepas mengalami demam yang berlarutan. Walaupun pemergian beliau mengakhiri peranan sebagai seorang ulama, pendidik dan pentadbir, legasi keilmuan yang ditinggalkan terus dipelihara melalui institusi pengajian, jaringan murid serta karya-karya yang dihasilkannya. Justeru, latar kehidupan, pendidikan dan jaringan keilmuan Tok Ku Tuan Besar menjadi asas penting dalam memahami ketokohan beliau sebagai antara ulama yang memberikan sumbangan besar kepada perkembangan Islam di Terengganu pada abad ke-19M. Kupasan seterusnya membincangkan karya-karya penulisan Tok Ku Tuan Besar yang memperlihatkan keluasan penguasaan ilmu serta sumbangan beliau terhadap perkembangan tradisi keilmuan Islam di Alam Melayu.

Latar kehidupan, jaringan pendidikan dan salasilah keilmuan yang dimiliki Tok Ku Tuan Besar menjadi asas kepada pembentukan pemikiran serta penghasilan karya-karya beliau dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Justeru, bahagian seterusnya membincangkan karya-karya penulisan beliau sebagai manifestasi kepada keluasan tradisi keilmuan tersebut.

Karya Penulisan dan Sumbangan Keilmuan Tok Ku Tuan Besar

Tok Ku Tuan Besar merupakan antara tokoh ulama Melayu yang bergiat aktif dalam bidang penulisan. Walaupun jumlah karya yang dihasilkan oleh beliau tidak sebanyak karya-karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri dan Shaykh Dawud al-Fatani, beliau merupakan antara ulama

Terengganu yang paling prolifik dalam menghasilkan karya-karya keagamaan. Menurut Alwi et al. (2021), Tok Ku Tuan Besar dipercayai telah menghasilkan kira-kira 16 buah karya sepanjang hayatnya. Walau bagaimanapun, makalah ini hanya memfokuskan perbincangan terhadap 11 buah karya yang berjaya dikenal pasti berdasarkan sumber-sumber yang diperoleh. Karya-karya tersebut memperlihatkan keluasan penguasaan beliau dalam pelbagai disiplin ilmu Islam, merangkumi sirah, akidah, *fiqh*, hadis, tasawuf dan amalan kerohanian. Kepelbagaian karya ini turut mencerminkan peranan Tok Ku Tuan Besar sebagai seorang ulama yang bukan sahaja aktif menyebarkan ilmu melalui pengajaran, bahkan memperkukuhkan tradisi penulisan Islam di Terengganu menerusi karya-karya yang menjadi rujukan dalam pengembangan ilmu, pengukuhan akidah serta amalan kehidupan beragama masyarakat Islam. Antara karya Tok Ku Tuan Besar yang berjaya dikenal pasti ialah seperti berikut:

Kanz al-'Ula

Kanz al-'Ula merupakan sebuah karya dalam genre nazam *bahar basit* yang menggunakan timbangan *wazan mustaf'ilun fa'ilun* sebanyak empat kali dalam setiap bait. Karya ini mengandungi 888 bait yang dimuatkan dalam 132 folio, dengan setiap folio mengandungi antara empat hingga lapan bait, manakala setiap bait pula terdiri daripada 14 hingga 18 patah perkataan. Dari sudut kandungannya, karya ini boleh diklasifikasikan dalam bidang sirah Nabi Muhammad SAW kerana menghuraikan puji-pujian, keistimewaan, kecintaan serta perjalanan hidup Baginda mengikut kronologi bermula daripada kelahiran sehingga tahun ketiga Hijrah. Perbincangan karya ini berakhir pada peristiwa peperangan Banu Qaynuqa', yang berlaku pada tahun ketiga Hijrah. Keadaan ini menunjukkan bahawa karya tersebut tidak sempat diselesaikan sepenuhnya kerana masih terdapat beberapa peristiwa penting dalam sirah Rasulullah SAW yang belum dihuraikan. Berdasarkan keadaan tersebut, berkemungkinan besar nazam ini merupakan antara karya terakhir yang dihasilkan oleh Tok Ku Tuan Besar sebelum beliau meninggal dunia pada tahun 1878.

Sifat al-Nabi

Sifat al-Nabi juga merupakan sebuah karya dalam genre nazam *bahar basit* yang menggunakan timbangan *wazan mustaf'ilun fa'ilun* sebanyak empat kali dalam setiap bait. Karya ini mengandungi 1,051 bait yang diselang-seli dengan 70 kali selawat. Berdasarkan naskhah simpanan Sayyid Mustafa bin Sayyid 'Abd Allah, karya ini terdiri daripada 161 folio, dengan setiap folio mengandungi antara enam hingga tujuh bait dan setiap bait terdiri daripada 12 hingga 14 patah perkataan. Karya ini dikategorikan dalam bidang *Shama'il Muhammadiyyah* atau *Dala'il al-Nubuwwah* kerana kandungannya tertumpu kepada dua aspek utama, iaitu: (a) sifat-sifat fizikal dan akhlak Rasulullah SAW; dan (b) mukjizat-mukjizat Baginda sebagai bukti kerasulan. Perbincangan mengenai sifat-sifat Rasulullah SAW dihuraikan dalam 348 bait, manakala sebanyak 703 bait lagi diperuntukkan bagi menjelaskan pelbagai mukjizat Baginda SAW secara terperinci. Walaupun karya ini telah disiapkan sepenuhnya, ia tidak mempunyai bahagian pendahuluan dan penutup. Berdasarkan persamaan dari segi susunan, penggunaan wazan serta kalimah selawat, karya ini dipercayai dihasilkan dalam tempoh yang hampir sama dengan penulisan *Kanz al-'Ula*.

Berdasarkan kedua-dua karya ini, dapat diperhatikan bahawa Tok Ku Tuan Besar memberikan penekanan yang besar terhadap sirah dan keperibadian Rasulullah SAW sebagai asas pembentukan akidah, kecintaan dan penghayatan umat Islam terhadap Baginda. Pendekatan penulisan dalam bentuk nazam turut memperlihatkan usaha beliau memudahkan proses penyampaian, penghafalan dan penghayatan ilmu dalam kalangan masyarakat.

Sullam al-Tawfiq

Sullam al-Tawfiq merupakan sebuah karya dalam genre nazam *bahar rajaz* yang menggunakan timbangan *wazan mustaf'ilun* sebanyak enam kali dalam setiap bait. Karya ini mengandungi 98 bait yang diselang-seli dengan dua kali selawat. Berdasarkan naskhah salinan Sayyid 'Abd al-Rahman bin 'Ali, karya ini terdiri daripada 18 folio, dengan setiap folio mengandungi antara enam hingga tujuh bait dan setiap bait pula terdiri daripada 12 hingga 14 patah perkataan. Karya ini dikategorikan dalam bidang *fiqh* ibadat kerana kandungannya memberi tumpuan khusus kepada pelaksanaan solat berjemaah, terutama berkaitan hukum muwafiq dan masbuk menurut pandangan ulama mazhab al-Shafi'i. Berdasarkan catatan pengarang, karya ini disiapkan pada hari Jumaat, 27 Syaaban 1285H, iaitu dalam dekad terakhir kehidupan Tok Ku Tuan Besar.

Jawahir al-Saniyyah

Jawahir al-Saniyyah merupakan sebuah karya dalam genre nazam *bahar rajaz* yang menggunakan timbangan *wazan mustaf'ilun* sebanyak enam kali dalam setiap bait. Karya ini mengandungi 819 bait yang diselang-seli dengan 42 kali selawat, menjadikan keseluruhannya sebanyak 861 bait. Berdasarkan naskhah salinan Sayyid 'Abd al-Rahman bin Sayyid 'Ali al-'Aydarus, karya ini terdiri daripada 124 folio, dengan setiap folio mengandungi antara enam hingga tujuh bait dan setiap bait terdiri daripada 12 hingga 14 patah perkataan. Dari sudut kandungannya, *Jawahir al-Saniyyah* merupakan sebuah karya dalam bidang akidah yang menghuraikan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* secara menyeluruh. Perbincangan karya ini merangkumi empat komponen utama ilmu akidah, iaitu *ilahiyyat*, *nubuwwat*, *sam'iyat* dan *kawniyyat*. Bahagian *ilahiyyat* dihuraikan menerusi 75 bait yang membincangkan sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT. Perbincangan mengenai *nubuwwat* pula diperincikan dalam 80 bait yang menghuraikan sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi para rasul, di samping memberikan penekanan terhadap mukjizat Nabi Muhammad SAW sebagai bukti kerasulan Baginda. Perbincangan mengenai *sam'iyat* merupakan bahagian yang paling panjang, iaitu sebanyak 449 bait, meliputi perbincangan tentang alam kubur, tanda-tanda kiamat, peristiwa-peristiwa hari kiamat serta balasan syurga dan neraka secara terperinci. Manakala bahagian *kawniyyat* pula diperincikan menerusi 31 bait yang membincangkan kewujudan para malaikat, para rasul serta kitab-kitab yang diturunkan kepada para nabi.

Selain itu, karya ini turut menghuraikan rukun iman yang keenam, iaitu qada' dan qadar dalam sembilan bait. Bait-bait selebihnya berfungsi sebagai pelengkap kepada perbincangan akidah dengan menyentuh isu-isu seperti hukum iman taklid, pengertian iman dan Islam, kedudukan keluarga Rasulullah SAW, keperluan bermazhab serta pelbagai nasihat yang berkaitan dengan pengukuhan akidah umat Islam. Berdasarkan susunan kandungannya, besar kemungkinan *Jawahir al-Saniyyah* dihasilkan sebelum *Sullam al-Tawfiq* memandangkan karya ini merupakan satu-satunya karya Tok Ku Tuan Besar yang dikenali dengan nama 'Puji', sedangkan *Sullam al-Tawfiq* juga mempunyai potensi untuk dinamakan sedemikian kerana dimulakan dengan perkataan 'Puji'.

al-Durrah al-Fakhirah

al-Durrah al-Fakhirah merupakan sebuah karya berbentuk nazam, namun tidak terikat dengan mana-mana timbangan *wazan* nazam Arab sebagaimana karya-karya Tok Ku Tuan Besar yang lain. Perbezaan tersebut menjadikan karya ini mempunyai susunan yang tersendiri, selain tidak diselang-seli dengan bacaan selawat sebagaimana kebanyakan nazam beliau yang lain. Karya ini mengandungi 243 bait dan berdasarkan naskhah simpanan penulis, ia terdiri daripada 18 folio, dengan setiap folio mengandungi antara empat hingga lapan bait dan setiap bait terdiri daripada 16 hingga 21 patah perkataan. Karya ini dikategorikan dalam bidang akidah kerana

memberi tumpuan khusus kepada dua komponen utama, iaitu *ilahiyyat* dan *nubuwwat*. Bahagian *ilahiyyat* diperincikan dalam 133 bait yang menghuraikan sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT berserta dalil-dalilnya. Turut dijelaskan ialah pengertian ketuhanan yang terkandung dalam kalimah pertama syahadah. Manakala bahagian *nubuwwat* pula diperincikan menerusi 53 bait yang membincangkan sifat-sifat wajib, harus dan mustahil bagi para rasul berserta dalil-dalil yang berkaitan. Selain itu, karya ini turut menghuraikan pengertian kenabian yang terkandung dalam kalimah kedua syahadah. Bait-bait selebihnya melengkapkan perbincangan tersebut dengan menyentuh hukum taklid, kaedah berzikir serta kelebihan lafaz *La ilaha illa Allah*. Karya ini disiapkan pada hari Rabu, 27 Rejab 1276H.

Berdasarkan ketiga-tiga karya ini, jelas bahawa Tok Ku Tuan Besar memberikan perhatian yang besar terhadap pemantapan akidah dan ibadah sebagai asas pembinaan masyarakat Islam. Pendekatan penulisan beliau yang menggabungkan bentuk nazam dengan penghuraian yang sistematik memperlihatkan usaha menyampaikan ilmu secara teratur, mudah dihafaz dan sesuai dijadikan bahan pengajaran dalam institusi pendidikan Islam tradisional.

Kitab al-Nur

Kitab al-Nur merupakan sebuah karya dalam genre nazam *bahar rajaz* yang menggunakan timbangan *wazan mustaf'ilun* sebanyak enam kali dalam setiap bait. Karya ini mengandungi 277 bait yang diselang-seli dengan lima kali selawat, menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 282 bait. Berdasarkan naskhah yang diperoleh, karya ini terdiri daripada 19 folio, dengan setiap folio mengandungi antara 14 hingga 16 bait dan setiap bait terdiri daripada lapan hingga 14 patah perkataan. Karya ini boleh diklasifikasikan sebagai sebuah karya yang membincangkan kelebihan malam-malam tertentu dalam empat bulan Islam, iaitu Muharam, Rejab, Syaban dan Ramadan. Selain menghuraikan kelebihan malam-malam tersebut beserta gelaran yang diberikan kepadanya, karya ini turut menjelaskan amalan-amalan yang digalakkan untuk dilaksanakan pada malam-malam berkenaan. Di samping itu, Tok Ku Tuan Besar turut mengingatkan tentang sifat-sifat *madhmumah* yang boleh menghalang seseorang daripada memperoleh kelebihan malam-malam tersebut. Keseluruhan perbincangan disampaikan secara berterusan tanpa dibahagikan kepada tajuk-tajuk kecil. Meskipun tidak terdapat catatan yang secara jelas menyatakan bahawa *Kitab al-Nur* merupakan karya Tok Ku Tuan Besar, kewujudan naskhah tersebut bersama-sama karya beliau yang lain, di samping persamaan dari aspek gaya penulisan dan bentuk persembahan, memberikan petunjuk yang kuat bahawa karya tersebut berkemungkinan besar merupakan hasil penulisan beliau.

'Uqud al-Durratayn fi Bayan Kalimah al-Shahadatayn

'Uqud al-Durratayn fi Bayan Kalimah al-Shahadatayn merupakan sebuah risalah kecil dalam bentuk penulisan biasa dan lebih dikenali sebagai Syahadat Tok Ku. Berdasarkan naskhah yang dikenal pasti, karya ini hanya terdiri daripada dua folio, dengan setiap folio mengandungi 14 baris dan setiap baris pula terdiri daripada antara 11 hingga 16 patah perkataan. Karya ini merupakan terjemahan terhadap perbahasan mengenai dua kalimah syahadah yang terdapat dalam kitab *Sullam al-Munajat* karya Sayyid 'Abd Allah bin 'Umar bin Yahya. Kandungannya menghuraikan pengertian dua kalimah syahadah dengan memberikan penekanan terhadap aspek ketuhanan Allah SWT dan kerasulan Nabi Muhammad SAW secara ringkas tetapi padat. Perbincangan tersebut diakhiri dengan doa yang memohon agar Allah SWT mengurniakan kekuatan untuk melaksanakan syariat Islam dengan sempurna, mengakhiri kehidupan dalam agama Islam serta dihimpunkan bersama Rasulullah SAW di akhirat bersama keluarga, para sahabat dan seluruh umat Islam.

Silsilah Ratib al-Haddad

Silsilah Ratib al-Haddad merupakan sebuah risalah kecil dalam bentuk penulisan biasa. Berdasarkan naskhah MS 1745(B) yang disimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, karya ini terdiri daripada lima folio, dengan setiap folio mengandungi 15 baris dan setiap baris terdiri daripada antara lapan hingga 12 patah perkataan. Kandungan risalah ini menghimpunkan sanad amalan Ratib al-Haddad serta pemakaian *khirqah* sufi yang diwariskan oleh Tok Ku Tuan Besar kepada salah seorang muridnya, Muhammad ‘Ali bin ‘Abd al-Rahman. Selain merekodkan sanad amalan tersebut, karya ini turut menghimpunkan beberapa nasihat yang perlu diamalkan oleh murid bagi memperoleh manfaat rohani serta mencapai makrifatullah melalui amalan Ratib al-Haddad. Risalah ini juga boleh dianggap sebagai pengenalan kepada karya *Kayfiyyat ‘Amal Ratib al-Haddad* yang menghuraikan amalan tersebut dengan lebih terperinci. Berdasarkan catatan pengarang, risalah ini disiapkan pada tahun 1267H.

Targhib al-Sibyan fi Hifz ‘Aqa’id al-Iman

Targhib al-Sibyan fi Hifz ‘Aqa’id al-Iman merupakan sebuah karya dalam bentuk penulisan biasa. Berdasarkan naskhah MSS 888 koleksi Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, karya ini terdiri daripada 29 folio, dengan setiap folio mengandungi 14 baris dan setiap baris pula terdiri daripada antara 12 hingga 14 patah perkataan. Karya ini merupakan sebuah risalah ringkas yang disediakan sebagai asas pendidikan akidah kepada golongan mukallaf, khususnya kanak-kanak. Kandungannya memberi penekanan terhadap aspek ketuhanan dan kenabian dengan menghuraikan sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT serta para rasul. Turut diuraikan ialah pengertian dan kandungan akidah yang terkandung dalam dua kalimah syahadah. Selain aspek akidah, risalah ini turut memuatkan penerangan ringkas mengenai ibadah solat dengan menyentuh perkara-perkara asas seperti rukun, syarat, perkara-perkara sunat, bacaan, zikir dalam solat serta doa selepas solat.

Keempat-empat karya ini memperlihatkan bahawa Tok Ku Tuan Besar bukan sahaja memberi perhatian terhadap pemantapan akidah dan ibadah, bahkan turut menekankan aspek pembinaan kerohanian, penghayatan zikir serta pendidikan asas kepada masyarakat. Pendekatan tersebut mencerminkan usaha beliau membentuk kefahaman Islam yang seimbang antara pengukuhan akidah, pelaksanaan ibadah dan penyucian jiwa, selaras dengan tradisi pendidikan Islam yang berkembang di Terengganu pada abad ke-19M.

al-Ahadith al-Nabawiyyah min Ma Yata‘allaq bi al-‘Imamah al-‘Arabiyyah

al-Ahadith al-Nabawiyyah min Ma Yata‘allaq bi al-‘Imamah al-‘Arabiyyah merupakan sebuah risalah kecil dalam bentuk penulisan biasa. Berdasarkan naskhah MS 1745(A) koleksi Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, karya ini terdiri daripada 11 folio, dengan setiap folio mengandungi 15 baris dan setiap baris pula terdiri daripada antara lapan hingga 12 patah perkataan. Karya ini menghimpunkan huraian ringkas mengenai kelebihan memakai serban berdasarkan 12 buah hadis Rasulullah SAW. Selain menjelaskan kelebihan dan adab pemakaian serban bagi lelaki, Tok Ku Tuan Besar turut menghuraikan kelebihan bersiwak serta pakaian yang sesuai dipakai ketika mendirikan solat. Keseluruhan hadis yang dinukilkan dalam karya ini dipetik daripada dua buah karya utama, iaitu *Ihya’ ‘Ulum al-Din* karangan Imam al-Ghazali dan *al-Jami’ al-Saghir* karya Imam al-Suyuti. Risalah ini disiapkan pada tahun 1267H.

Kayfiyyat ‘Amal Ratib al-Haddad

Kayfiyyat ‘Amal Ratib al-Haddad merupakan sebuah risalah kecil dalam bentuk penulisan biasa. Berdasarkan naskhah MS 1745(B) koleksi Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan

Negara Malaysia, karya ini terdiri daripada 15 folio, dengan setiap folio mengandungi 15 baris dan setiap baris pula terdiri daripada antara lapan hingga 12 patah perkataan. Karya ini membincangkan amalan Ratib al-Haddad yang disusun oleh 'Abd Allah bin 'Alawi al-Haddad. Kandungannya berupa terjemahan terhadap bacaan zikir yang terdapat dalam Ratib al-Haddad secara berturutan sehingga zikir yang terakhir. Selain itu, Tok Ku Tuan Besar turut menghuraikan kaedah pengamalan serta penghayatan zikir *La ilaha illa Allah* yang menjadi sebahagian daripada amalan ratib tersebut. Berdasarkan catatan manuskrip, karya ini turut disiapkan pada tahun 1267H.

Berdasarkan keseluruhan karya yang berjaya dikenal pasti, dapat diperhatikan bahawa Tok Ku Tuan Besar merupakan seorang ulama yang mempunyai keluasan penguasaan dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Karya-karya beliau merangkumi bidang sirah Nabi SAW, *Shama'il Muhammadiyyah*, akidah, *fiqh* ibadat, hadis, tasawuf, amalan kerohanian serta pendidikan asas Islam. Kepelbagaian tema tersebut memperlihatkan bahawa penulisan Tok Ku Tuan Besar bukan sahaja bertujuan memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap asas-asas agama, malah turut membentuk penghayatan rohani dan amalan kehidupan seharian menurut ajaran Islam. Di samping itu, pendekatan penulisan beliau yang menggabungkan karya berbentuk nazam dan penulisan prosa menunjukkan kebijaksanaan dalam menyampaikan ilmu mengikut kesesuaian bidang yang dibincangkan. Penggunaan nazam memudahkan proses hafazan dan pengajaran, manakala penulisan prosa pula membolehkan sesuatu isu dihuraikan secara lebih terperinci. Pendekatan ini mencerminkan keupayaan Tok Ku Tuan Besar menyesuaikan kaedah penyampaian ilmu dengan keperluan masyarakat serta tradisi pendidikan Islam yang berkembang di Terengganu pada abad ke-19M.

Secara keseluruhannya, karya-karya Tok Ku Tuan Besar membuktikan bahawa beliau bukan sekadar seorang pendidik dan pendakwah, bahkan turut memainkan peranan penting sebagai pengarang yang menyumbang kepada perkembangan tradisi penulisan Islam di Terengganu. Kepelbagaian karya yang dihasilkan menjadi manifestasi kepada keluasan keilmuan, kekuatan tradisi intelektual serta komitmen beliau dalam memperkaya khazanah persuratan Islam di Alam Melayu. Perbincangan seterusnya akan meneliti sumbangan Tok Ku Tuan Besar dalam bidang pentadbiran dan perundangan Islam yang melengkapkan lagi ketokohan beliau sebagai seorang ulama, pendidik dan pembesar negeri.

Sumbangan Tok Ku Tuan Besar dalam Pentadbiran dan Perundangan Islam

Perkembangan Islam di Terengganu yang disusuli dengan pembentukan sistem pemerintahan berteraskan Islam telah membuka ruang kepada golongan ulama, khususnya daripada keturunan Sayyid al-Idrus, untuk terlibat secara langsung dalam pentadbiran negeri. Penglibatan tersebut bukan sahaja memperkukuh pelaksanaan pentadbiran Islam, malah memberikan peluang kepada golongan ulama memperluaskan jaringan dakwah dan pendidikan dalam kalangan masyarakat. Melalui hubungan yang erat antara institusi kesultanan dan golongan ulama, kehidupan beragama masyarakat Terengganu berkembang dengan lebih tersusun menerusi peranan pemerintah, pembesar negeri serta institusi yang menguruskan hal ehwal agama Islam (Othman, 2006).

Dalam bidang pentadbiran, golongan Sayyid al-Idrus memainkan peranan yang signifikan dalam perkembangan Islam di Terengganu, khususnya semasa pemerintahan Sultan Omar (1839-1876) dan Sultan Zainal Abidin III. Pada zaman pemerintahan Sultan Omar, Tok Ku Tuan Besar atau Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin telah diberikan penghormatan dengan dikurniakan gelaran *Shaykh al-'Ulama'* sebagai ketua kepada ulama-ulama di Terengganu.

Selain itu, beliau turut dilantik sebagai seorang pembesar negeri dengan gelaran Paduka Raja Indera, sekali gus mencerminkan pengiktirafan institusi kesultanan terhadap kewibawaan beliau dalam bidang keilmuan dan pentadbiran (Abdullah, 2000).

Menurut Hussin (1999), semasa pemerintahan Sultan Omar (1839-1876), Tok Ku Tuan Besar diberikan kedudukan yang istimewa dalam struktur pentadbiran negeri. Pada zaman tersebut, Sultan Omar telah menubuhkan beberapa jabatan penting, antaranya Dewan Ulama, yang berfungsi sebagai badan tertinggi dalam kerajaan bagi memberikan pandangan serta menyelesaikan pelbagai urusan berkaitan pentadbiran dan hal ehwal pemerintahan. Sebagai ketua ulama Terengganu, Tok Ku Tuan Besar merupakan individu pertama yang dilantik mengetuai Dewan Ulama tersebut. Dalam perkembangan yang sama, Sayyid Zain pula telah dilantik oleh Sultan Omar sebagai Menteri Besar Terengganu yang kedua dengan gelaran Engku Sayyid Seri Perdana bagi menggantikan Tengku Ismail yang telah meninggal dunia.

Antara peranan utama golongan ulama dalam sistem pentadbiran Terengganu ialah penglibatan secara langsung dalam penggubalan dasar pentadbiran, politik dan sosioekonomi negeri. Selain menganggotai Dewan Mesyuarat Kerajaan Negeri, mereka turut berperanan dalam merangka undang-undang pentadbiran Islam, memberikan pandangan berkaitan pelantikan hakim dan kadi serta menentukan bidang kuasa mereka. Di samping itu, golongan ulama turut diberi amanah untuk memimpin pentadbiran di kawasan-kawasan tertentu berdasarkan cap kurnia pemerintah (Saripan, 1991). Berdasarkan perkembangan tersebut, jelas bahawa kedudukan Tok Ku Tuan Besar dalam pentadbiran negeri bukan sekadar sebagai seorang ulama yang bertanggungjawab dalam urusan agama, bahkan beliau turut memainkan peranan sebagai penasihat pemerintah dan pembesar negeri yang terlibat dalam pembentukan dasar pentadbiran Islam. Keadaan ini memperlihatkan hubungan yang erat antara institusi kesultanan dengan golongan ulama dalam memperkukuh pelaksanaan pentadbiran dan perundangan Islam di Terengganu pada abad ke-19M.

Kedatangan ulama daripada keturunan Sayyid al-Idrus ke Terengganu bukan sahaja mendapat penerimaan yang baik dalam kalangan masyarakat, malah turut mendapat kepercayaan dan penghormatan daripada institusi kesultanan. Hubungan yang erat antara golongan ulama dengan pihak istana telah terjalin sejak zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin I. Dalam perkembangan tersebut, Syeikh Abdul Malik atau Tok Pulau Manis turut memainkan peranan penting bersama-sama pemerintah dalam memperkukuh pembangunan Terengganu, khususnya yang berkaitan dengan pentadbiran dan hal ehwal agama Islam (Saad, 1992). Menurut Saad (1992) lagi, peranan dan sumbangan Tok Ku Tuan Besar dalam pentadbiran negeri telah memberikan impak yang besar terhadap perkembangan Islam dan pembangunan Terengganu. Pengaruh beliau bukan sahaja diterima dalam kalangan masyarakat, bahkan turut mendapat penghormatan daripada golongan istana. Sungguhpun memegang jawatan sebagai ketua ulama Terengganu dan terlibat secara aktif dalam urusan pentadbiran negeri, Tok Ku Tuan Besar tetap meneruskan kegiatan dakwah dan pendidikan secara berterusan. Selain itu, beliau turut diberikan tanggungjawab oleh Sultan Omar untuk mentadbir kawasan Cabang Tiga.

Tanggungjawab yang diamanahkan kepada Tok Ku Tuan Besar memperlihatkan kepercayaan tinggi pihak istana terhadap kewibawaan beliau dalam urusan pentadbiran negeri. Penglibatan beliau bukan sekadar terbatas kepada pentadbiran hal ehwal agama, bahkan meliputi urusan pentadbiran istana dan negeri secara lebih menyeluruh. Kedudukan beliau turut diperkukuhkan melalui hubungan kekeluargaan dengan institusi kesultanan, sekali gus meletakkan Tok Ku Tuan Besar sebagai antara tokoh yang berpengaruh dalam struktur pentadbiran Terengganu

pada zamannya. Di samping itu, ketokohan Tok Ku Tuan Besar dalam bidang pentadbiran serta penyebaran Islam telah mendapat penerimaan yang amat baik dalam kalangan masyarakat Terengganu, khususnya penduduk di Kampung Cabang Tiga. Kejayaan beliau dalam memperkukuh pentadbiran negeri dan membentuk kehidupan beragama masyarakat tidak terhenti selepas kewafatan beliau. Sebaliknya, legasi tersebut diteruskan oleh zuriat beliau yang turut memainkan peranan penting dalam pentadbiran dan perkembangan Islam di Terengganu. Antaranya ialah Sayyid Zain yang dilantik sebagai Menteri Besar Terengganu, Sayyid Mustafa (Tok Ku Tuan Dalam) yang dilantik sebagai ulama pada zaman Sultan Zainal Abidin III serta Sayyid Abu Bakar (Tok Ku Tuan Kechik atau Tuan Embong) yang dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negeri (Saad, 1992).

Perjuangan Tok Ku Tuan Besar dalam menyebarkan syiar Islam kemudiannya diteruskan oleh anak beliau, Sayyid Abdul Rahman atau Tok Ku Paloh. Tok Ku Paloh muncul sebagai antara ulama yang paling berpengaruh di Terengganu, malah ketokohnya turut dikenali di luar negeri. Beliau bukan sahaja dihormati oleh masyarakat, bahkan turut menjadi tokoh yang berpengaruh dalam kalangan pentadbiran kerajaan. Sebagai ketua ulama Terengganu dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, Tok Ku Paloh meneruskan legasi bapanya dalam memperkukuh pentadbiran Islam serta membimbing masyarakat melalui pendekatan yang berhemah, berakhlak dan berpaksikan nilai-nilai Islam. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa sumbangan Tok Ku Tuan Besar dalam bidang pentadbiran tidak terhad kepada peranan yang dimainkan sepanjang hayat beliau, bahkan berjaya melahirkan kesinambungan kepimpinan ulama dalam institusi pentadbiran Terengganu. Hubungan erat antara institusi kesultanan, golongan ulama dan masyarakat telah membentuk satu tradisi pentadbiran Islam yang berterusan, sekali gus mengukuhkan kedudukan Terengganu sebagai antara negeri yang memberikan peranan penting kepada ulama dalam sistem pemerintahannya.

Sehubungan dengan itu, Sultan Omar (1839-1876) memberikan perhatian yang besar terhadap usaha memperkukuh pelaksanaan syiar Islam di Terengganu. Baginda telah menyusun sistem pentadbiran negeri secara lebih tersusun dengan menjadikan Kuala Terengganu sebagai pusat pentadbiran serta membahagikan negeri kepada beberapa daerah dan kampung yang ditadbir oleh penghulu atau ketua kampung. Bagi memperkukuh pelaksanaan pentadbiran Islam, Sultan Omar turut melantik beberapa orang ulama untuk memegang jawatan penting dalam pentadbiran negeri. Hasil daripada kerjasama erat antara institusi kesultanan dan golongan ulama, masyarakat pada ketika itu dikatakan hidup dalam suasana yang lebih berdisiplin serta berpegang teguh kepada ajaran Islam. Keadaan ini dapat dilihat melalui pelaksanaan hukum yang berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagaimana yang dinyatakan oleh Sharif (1978).

Menurut Embong (1983), pelaksanaan hukum syariah pada zaman Sultan Omar memperlihatkan kedudukan ulama yang penting dalam sistem perundangan negeri. Antaranya termasuk pelaksanaan hukuman terhadap beberapa kes jenayah seperti hukuman mati bagi kes bunuh dan hukuman potong tangan bagi kes mencuri menurut hukum syarak. Dalam konteks ini, Tok Ku Tuan Besar telah diberikan tanggungjawab mentadbir kawasan Cabang Tiga dengan menjadikan masjid sebagai pusat pentadbiran dan penyelesaian urusan masyarakat. Di samping masjid tersebut, beliau turut membina sebuah rumah pasung atau penjara bagi menempatkan pesalah yang melakukan kesalahan. Selain itu, sebuah tiang khas turut disediakan sebagai tempat melaksanakan hukuman takzir terhadap individu yang meninggalkan solat Jumaat atau tidak berpuasa pada bulan Ramadan.

Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, Tok Ku Tuan Besar tidak bergerak secara bersendirian. Beliau dibantu oleh beberapa orang anaknya, antaranya Sayyid Mustafa (Tuan Dalam), Sayyid Abdul Rahman (Engku Chik), Sayyid Abu Bakar (Tuan Embong) dan Sayyid Ahmad (Tuan Ngah). Penglibatan mereka membantu melancarkan urusan pentadbiran kawasan Cabang Tiga serta memastikan pelaksanaan hukum syariah dapat dijalankan dengan lebih tersusun dan berkesan (Embong, 1983). Selain itu, hukuman takzir turut dikenakan terhadap individu yang tidak menunaikan solat Jumaat atau makan secara terbuka pada bulan Ramadan. Antara bentuk hukuman yang dilaksanakan ialah mengarak pesalah mengelilingi bandar Kuala Terengganu sebagai pengajaran kepada masyarakat. Pada zaman Sultan Omar juga dilaporkan terdapat pelaksanaan hukuman rejam terhadap pesalah zina, di samping dasar yang tidak membenarkan pembinaan rumah ibadat baharu bagi masyarakat bukan Islam (Embong, 1983).

Menurut Sharif (1978), Sultan Omar turut memperkukuh pelaksanaan syariah melalui sistem kehakiman negeri. Baginda bukan sahaja melaksanakan hukuman berdasarkan hukum Islam dalam beberapa kes jenayah, malah berusaha memperluaskan kefahaman rakyat terhadap undang-undang Islam. Dalam keadaan tertentu, Sultan sendiri turut berperanan mengendalikan prosiding di Mahkamah Balai yang ditubuhkan bagi menyelesaikan kes-kes sivil dan jenayah.

Tok Ku Tuan Besar merupakan antara tokoh daripada keturunan Sayyid Alawiyyah yang berjaya menggabungkan peranan sebagai ulama, pendidik dan pentadbir negeri. Kedudukan beliau sebagai seorang ilmuwan daripada keturunan *Ahl al-Bayt* telah meletakkan beliau sebagai tokoh yang dihormati dalam kalangan masyarakat dan institusi kesultanan. Ketokohan beliau bukan sahaja terserlah dalam penyebaran ilmu dan dakwah, malah turut memberikan sumbangan yang signifikan dalam memperkukuh pentadbiran dan pelaksanaan perundangan Islam di Terengganu. Legasi tersebut kemudiannya diteruskan oleh generasi selepas beliau, khususnya Tok Ku Paloh dan Tok Ku Embong, yang masing-masing memainkan peranan penting dalam pentadbiran serta perkembangan Islam di Terengganu.

Hubungan erat Tok Ku Tuan Besar dengan institusi kesultanan turut memperkukuh kedudukan beliau dalam pentadbiran negeri. Kepercayaan yang diberikan oleh Sultan membolehkan beliau terlibat secara langsung dalam pelbagai urusan pentadbiran dan hal ehwal agama Islam. Di samping hubungan rasmi melalui institusi pentadbiran, pertalian kekeluargaan dengan kerabat diraja turut mengukuhkan lagi kedudukan beliau dalam struktur pemerintahan Terengganu. Keadaan ini memperlihatkan bahawa kewibawaan Tok Ku Tuan Besar bukan sahaja diiktiraf berdasarkan keturunan dan keilmuan, malah turut dizahirkan melalui sumbangan nyata beliau dalam memperkukuh pentadbiran Islam di Terengganu pada abad ke-19M.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Sayyid Muhammad bin Sayyid Zainal Abidin al-Idrus, atau lebih dikenali sebagai Tok Ku Tuan Besar, merupakan seorang tokoh ulama yang memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan Islam di Terengganu pada abad ke-19M. Keistimewaan ketokohan, keluasan ilmu serta kewibawaan beliau telah meletakkan Tok Ku Tuan Besar sebagai antara ulama yang paling berpengaruh dalam sejarah perkembangan Islam di negeri Terengganu. Selain menyumbang dalam bidang pendidikan dan dakwah, beliau turut memperkaya khazanah persuratan Islam melalui penghasilan kira-kira 16 buah karya yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti akidah, *fiqh*, sirah, hadis dan tasawuf. Dapatan kajian ini turut memperlihatkan bahawa ketokohan Tok Ku Tuan Besar tidak hanya terserlah dalam bidang keilmuan, malah meliputi aspek pentadbiran dan perundangan Islam. Peranan beliau sebagai ketua ulama Terengganu, pembesar negeri dan penasihat kepada Sultan

membuktikan bahawa golongan ulama pada ketika itu memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk tadbir urus serta kehidupan beragama masyarakat Terengganu. Pada masa yang sama, penglibatan beliau dalam institusi pentadbiran memperlihatkan hubungan yang erat antara ulama dengan institusi kesultanan dalam memperkukuh pelaksanaan syariah dan pembangunan masyarakat Islam. Justeru, kemunculan Tok Ku Tuan Besar telah memberikan impak yang besar terhadap perkembangan keilmuan, pentadbiran dan perundangan Islam di Terengganu. Legasi beliau bukan sahaja diteruskan oleh zuriat serta murid-muridnya, bahkan terus dipelihara menerusi karya-karya penulisan yang masih menjadi sumber rujukan dalam pengajian Islam hingga ke hari ini. Oleh itu, Tok Ku Tuan Besar wajar diiktiraf sebagai antara tokoh ulama Melayu yang telah memberikan sumbangan penting kepada pembinaan tradisi keilmuan dan perkembangan tamadun Islam di Terengganu serta Alam Melayu secara keseluruhannya.

Rujukan

- Abdullah, W. M. S. (2000). *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Jil. 13. Kuala Lumpur: Penerbit Khazanah Fathaniyah.
- Alwi, E. A. Z. E., Yusoff, Z. M. & Zin, E. I. E. W. (2021). *Sumbangan Keilmuan Tokoh Ulama Terengganu*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Embong, W. H. W. (1983). Satu analisa pemikiran dan peranan Sayyid Muhammad bin Zayn al-Abidin al-Idrus (Tok Ku Tuan Besar Terengganu) dalam perkembangan Islam di Terengganu 1209/1795M-1295/1878M. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hussin, F. Y. (1999). Peranan golongan Arab Melayu pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 di Kuala Terengganu. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera, Universiti Malaya.
- al-Idrus, S. A. G. S. A. (2014). *Sejarah Keturunan Syed al-Idrus di Terengganu*. Kuala Terengganu: Penerbit WZ Printing & Advertising Sdn. Bhd.
- Malek, M. H. A., Wahid, N. A., Adam, F., Zin, E. I. E. W., Yunus, A. M. & Hashim, J. (2018). Pendidikan awal ulama-ulama silam Terengganu sebelum kurun ke-19. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*, hlm. 1409-1414.
- Omar, S. H. S., Baru, R., Zin, E. I. E. W., Chik, W. M. Y. W., Mohamad, M. Z., Ali, E. M. T. E. & Othman, M. S. (2014). Works by Terengganu's scholars of the 19th century in dignifying the study of Islamic knowledge based on the al-Qur'an. *Asian Social Science*, 10(9), 128-136.
- Omar, S. H. S., Zin, E. I. E. W., Chik, W. M. Y. W. & Baru, R. (2012). Pendokumentasian karya ulama Terengganu abad ke-19 dalam memartabatkan pengajian ilmu-ilmu berteraskan al-Quran di Terengganu. Kertas kerja Seminar Al-Quran Peringkat Antarabangsa. UniSZA, Kuala Terengganu, Terengganu. 1-2 Disember. https://www.academia.edu/4832408/Pendokumentasian_Karya_Ulama_Terengganu_Abad_Ke_19_Dalam_Memartabatkan_Pengajian_Ilmu-ilmu_Berteraskan_al-Quran_Di_Terengganu [Akses pada 26 Julai 2022].
- Othman, M. R. (2006). The Arabs migration and its importance in the historical development of the nineteenth and early twentieth century Malaya. Kertas Kerja 15th Annual World History Association Conference. California, USA. 22-25 Jun.
- Saad, H. S. (1992). Masyarakat Syed al-Idrus: Kesan dan pengaruh di Terengganu. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saripan, R. (1991). Konsep, peranan dan institusi 'Penasihat di Terengganu, Kedah dan Johor pada akhir abad ke-19M daripada perspektif Islam dalam masyarakat Melayu abad ke-19M. *Kolokium Masyarakat Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharif, T. R. T. @ Bakar, S. A. (1978). Sejarah pentadbiran hal-ehwal agama Islam Terengganu semenjak 1900 hingga 1950-an. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wahba & Hamzah, H. 2007. *Ulama' Membina Tamadun Manusia*. Kuala Lumpur: Penerbit Progressive Publishing House Sdn. Bhd.